

# METFORMIN TABLET®

Metformin HCl 250mg, 500mg, 850mg

## Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah Kegunaan Metformin Tablet.
2. Bagaimana Metformin Tablet berfungsi.
3. Sebelum mengambil Metformin Tablet.
4. Cara menggunakan Metformin Tablet.
5. Semasa pengambilan Metformin Tablet.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Metformin Tablet.
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

## Apakah Kegunaan Metformin Tablet

Metformin Tablet digunakan dalam rawatan kencing manis yang tidak berkesan dengan jagaan pemakanan sahaja atau jagaan pemakanan bersama-sama dengan pengambilan ubat daripada kumpulan *sulfonylurea*.

## Bagaimana Metformin Tablet berfungsi

Metformin HCl tergolong dalam kumpulan *biguanide*. Ia menurunkan kandungan gula dalam darah melalui pengurangan penghasilan glukosa dari hati.

## Sebelum mengambil Metformin Tablet

### Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alergi kepada Metformin HCl atau bahan-bahan lain yang terkandung di dalam produk ini.
- Jika anda menghadapi masalah hati
- Jika anda menghadapi penyakit buah pinggang
- Jika anda menghadapi kegagalan jantung
- Jika anda mengalami diabetik ketoasidosis (Keton terbentuk daripada penguraian lemak apabila berlakunya bekalan glukosa dalam darah terhad untuk menghasilkan tenaga).

### Sebelum mula mengambil

Anda perlu menyemak dengan doktor anda: -

- Jika anda bercadang untuk menjalani pembedahan.
- Mengandung/ Disyaki mengandung.
- Merancang untuk mengandung.
- Menyusukan bayi
- Mengalami keadaan asidosis laktik berlaku apabila darah menjadi terlalu asidik disebabkan asid laktik yang berlebihan.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Terdapat beberapa jenis ubatan yang tidak digalakkan diambil bersama dengan Metformin Tablet. Anda harus memaklumkan doktor dan ahli farmasi anda mengenai ubatan yang sedang diambil termasuk ubatan yang dibeli di farmasi tanpa preskripsi doktor. Maklumkan doktor dan ahli farmasi jika anda sedang mengambil ubatan berikut:-

- Vitamin B12
- Alkohol
- Agen kontras Iodin
- Glucokortikoids
- Agonis beta-2
- Diuretik

## Cara menggunakan Metformin Tablet

### Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan ambil lebih atau kurang daripada amaun yang disyorkan. Dos biasa bagi dewasa adalah 500mg 3 kali sehari atau 850 mg 2 kali sehari. Boleh dinaikkan secara beransur-ansur sehingga 3g sehari secara dos terbahagi.

### Bila perlu digunakan

Metformin Tablet perlu diambil bersama makanan.

### Berapa lama perlu digunakan

Ikut arahan yang telah ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### Jika terlupa menggunakan

Jangan gandakan dos anda. Ambil dos seperti biasa bila tiba waktu untuk dos seterusnya.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda atau dapatkan bantuan kecemasan.

## Semasa Menggunakan Metformin Tablet

### Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Metformin Tablet mengikut arahan doktor.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan kongsi ubatan anda dengan orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang dinyatakan.

## Kesan- kesan sampingan

Kesan sampingan yang biasa berlaku adalah anoreksia, loya, muntah dan cirit-birit. Kesan sampingan yang jarang berlaku adalah rasa *metallic* di lidah, penurunan berat badan, lemah dan ruam.

Kesan sampingan lain yang mungkin berlaku adalah *lactic acidosis*. Simptom-simptomnya adalah muntah, sakit perut dan kurang sedar.

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami gejala-gejala lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers Reporting*)

## Cara penyimpanan dan pelupusan Metformin Tablet

### Penyimpanan

Simpan pada suhu dibawah 25°C.

### Pelupusan

Jangan buang ubat-ubatan yang berlebihan secara sebarangan. Dapatkan nasihat ahli farmasi anda mengenai cara-cara pelupusan ubat.

# METFORMIN TABLET®

Metformin HCl 250mg, 500mg, 850mg

---

## Maklumat Lanjut

### Rupa dan Warna produk

#### **250mg/500mg**

Tablet bulat, cembung, berwarna putih, bersalut filem dengan skor pada satu permukaan.

#### **850 mg**

Tablet bujur, cembung, berwarna putih bersalut filem, berskor pada satu bahagian dan bertanda "PO" pada bahagian yang lain.

### Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

*Metformin HCl*

-Bahan-Bahan Tidak Aktif

*Talcum, Calcium carbonate, Magnesium stearate, corn starch, hydroxypropylmethyl cellulose, PEG 6000, polyvinyl pyrolidone, laktosa, titanium dioxide.*

### Nombor MAL:

MAL05072022A (250mg)

MAL19900397A (500mg)

MAL06051294A (850mg)

MAL07010930AS (500mg)

## **Pengilang**

(MAL05072022A) (MAL19900397A)

(MAL06051294A)

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.

9,11 & 17 Jalan Kempas 4,

Taman Perindustrian Tampoi Indah,

81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

(MAL07010930AS)

Sunward Pharm PTE.LTD

No.11, Wan Lee Road,

Jurong 2262, Singapore.

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.

9,11 & 17 Jalan Kempas 4,

Taman Perindustrian Tampoi Indah,

81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

## **Tarikh Kemaskini RiMUP**

30/6/2014